This Purchase Request and Undertaking to Purchase shall be irrevocable (in the absence of any prior written consent of the Bank), binding on me and my successors in title, permitted assignees or heirs and personal representative and shall be construed in accordance with the law of Malaysia. With the issuance of this Purchase Request and Undertaking to Purchase, I acknowledge that I understand the nature and contents of this Purchase Request and Undertaking to Purchase. / *Permintaan untuk Membeli dan Aku Janji untuk Membeli ini tidak boleh dibatalkan (jika tidak mendapat kebenaran bertulis daripada pihak Bank) dan akan terikat kepada saya dan pengganti saya atas nama pemegang, pemegang serah hak yang dibenarkan atau pewaris dan wakil peribadi dan akan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia. Dengan pengeluaran Permintaan untuk Membeli dan Aku Janji Untuk Membeli ini, saya mengakui bahawa saya faham akan maksud dan kandungan didalam Permintaan untuk Membeli dan Aku Janji Untuk Membeli ini.*

Yours faithfully / *Yang benar*,

________________________________________

Signature of Applicant / *Tandatangan Pemohon*

Name / *Nama* : ________________________________________

Date / *Tarikh* : ________________________________________

IC No. / *No. ID* : ________________________________________

## APPOINTMENT OF AmBANK ISLAMIC BERHAD AS PURCHASING AND SALE AGENT ("APPOINTMENT OF AGENT") / PELANTIKAN AmBANK ISLAMIC BERHAD SEBAGAI WAKIL BELIAN DAN JUALAN ("PELANTIKAN WAKIL")

From / *Daripada* : (Principal's Name / Nama Pelanggan) ________________________________________

To / *Kepada* : AMBANK ISLAMIC BERHAD ("Bank")

Date / *Tarikh* : ________________________________________

Sirs / *Tuan/Puan*,

**Appointment of AmBank Islamic Berhad as Purchasing and Sale Agent Pursuant to AmMoneyLine Facility-i ("Facility") / *Pelantikan AmBank Islamic Berhad Sebagai Wakil Belian dan Jualan Sehubungan dengan Kemudahan-i AmMoneyLine ("Kemudahan")***

I, the Principal, refer to the above matter and to the AmMoneyLine Facility-i General Agreement ("**General Agreement**"). The General Agreement AmMoneyLine Facility-i shall, upon the acceptance and approval by the Bank of my application for the Facility (as stated via the Bank's approval), constitute the master agreement for the said Facility. / *Saya, Prinsipal, merujuk kepada perkara di atas dan juga kepada Perjanjian Am Kemudahan-i AmMoneyLine ("**Perjanjian Am**"). Perjanjian Am Kemudahan-i AmMoneyLine hendaklah, setelah permohonan saya untuk mengambil Kemudahan diterima dan diluluskan oleh pihak Bank (sebagaimana dinyatakan melalui kelulusan Bank), menjadi perjanjian induk kepada Kemudahan berkenaan.*

Terms defined in the General Agreement shall have the same meaning as in this Appointment of Agent, unless stated otherwise, and terms in the General Agreement relating to the agency therein contained shall be deemed to be incorporated herein. / Segala terma yang didefinisikan di dalam Perjanjian Am hendaklah mempunyai maksud yang sama bagi tujuan Pelantikan Wakil ini, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan terma berkaitan wakalah di dalam Perjanjian Am hendaklah dianggap telah dimasukkan juga di sini.

**1. AGENCY / *WAKALAH***

I hereby irrevocably and unconditionally appoint the Bank as my agent to / Saya dengan ini secara mutlak dan muktamadnya melantik pihak Bank sebagai ejen saya untuk:

(a) **Murabahah Sale Contract / *Kontrak Jualan Murabahah*:** To execute and perform the Murabahah Sale Contract for the purchase of the Commodity by me from the Bank at the Bank's Selling Price / *untuk melengkapkan dan melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah untuk pembelian Komoditi oleh saya daripada Bank pada Harga Jualan Bank.*
and upon conclusion of the Murabahah Sale Contract, to deal with the Commodity in the following manner / *dan selepas penyempurnaan Kontrak Jualan Murabahah, untuk menguruskan Komoditi dengan cara yang berikut*:

*(aa) ☐ be kept in the warehouse and I will bear all the resulting costs and expenses and I authorise the Bank to deduct all due amounts from my account / *disimpan di dalam gudang dan saya akan menanggung kesemua kos dan perbelanjaannya dan saya memberi kuasa kepada Bank untuk menolak kesemua amaun yang perlu dibayar daripada akaun saya.*

*(bb) ☐ be delivered to ________________________________________ and I will bear all the resulting costs and expenses and I authorise the Bank to deduct all due amounts from my account / *untuk dihantar ke* ________________________________________ *dan saya akan menanggung kesemua kos dan perbelanjaannya dan saya memberi kuasa kepada Bank untuk menolak kesemua amaun yang perlu dibayar daripada akaun saya.*

*(cc) ☐ be sold to a third party purchaser at a price of at least equivalent to Commodity cost price for cash and on spot basis / *untuk dijual kepada pembeli pihak ketiga pada harga yang sekurang-kurangnya bersamaan dengan harga kos Komoditi secara tunai dan tukaran serta-merta.*

*Tick (✓) which ever that is applicable. Please choose option (cc) if you/the Customer wishes to obtain proceeds of the Facility / **Tandakan (✓) di mana berkenaan. Sila pilih (cc) jika anda/Pelanggan berhasrat untuk memperoleh hasil daripada Kemudahan.*

(b) **Sale Agency:** Upon conclusion of the Murabahah Sale Contract and if I opt for the Commodity to be sold to third party purchaser as the Bank deems fit and proper ("Commodity Purchaser"), the Bank is to execute and perform the sale of the Commodity to the commodity purchaser at the amount equivalent to the Facility Amount and to deliver and cause to deliver the Commodity to the commodity purchaser and to collect proceeds from such sale and to pay such proceeds to me through a designated account for the purpose of this Facility or to third party on my behalf in accordance with the terms of the General Agreement and the Facility / *Selepas Kontrak Jualan Murabahah disempurnakan dan jika saya memilih agar Komoditi dijual kepada pembeli pihak ketiga yang dianggap sesuai dan betul ("Pembeli Komoditi"), Bank boleh menjual Komoditi tersebut kepada Pembeli Komoditi pada harga yang bersamaan dengan Amaun Kemudahan dan menyerahkan atau menyebabkan diserahkan Komoditi itu kepada Pembeli Komoditi, serta untuk mengutip hasil daripada jualan tersebut lantas membayar hasil tersebut kepada saya melalui satu akaun yang ditentukan bagi tujuan Kemudahan ini, atau kepada pihak ketiga bagi pihak saya menurut terma-terma Perjanjian Am dan Kemudahan ini.*

(c) **Administrative:** In executing and performing the agency herein contained, the Bank is hereby authorised / *Dalam menyempurnakan dan melaksanakan wakalah yang terkandung di sini, Bank dengan ini diberi kuasa:*

(i) to sign and execute all documents and do all acts and observe and perform all obligations required to be done in connection with or imposed under any agreement of sale of the Commodity for the purpose of the Murabahah Tawarruq transactions / *untuk menandatangani dan menyempurnakan semua dokumen dan membuat, mematuhi dan melaksanakan segala kewajipan yang perlu dilakukan berkaitan dengan tugasnya sebagai ejen atau yang dikenakan kepadanya di bawah mana-mana perjanjian penjualan Komoditi tersebut bagi tujuan transaksi Murabahah Tawarruq;*

(ii) to delegate its rights and duties as an agent herein to any third party as the Bank in its full discretion deems necessary to do all acts necessary for the execution and performance of the Murabahah Tawarruq transactions including all administrative duties regarding purchasing of the Commodity from the Bank / *mewakilkan hak-hak dan tugas-tugasnya sebagai ejen di sini kepada mana-mana pihak ketiga yang Bank anggap perlu mengikut budi-bicara penuhnya untuk melakukan kesemua tindakan yang diperlukan bagi menyempurnakan dan melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq termasuk semua tugas pentadbiran berkenaan pembelian Komoditi daripada Bank; and/dan*

(iii) do all things as fully and effectually as I could do in connection with it as if I am personally present including taking possession (physical or constructive) of the Commodity / *melakukan segala perkara dengan lengkap dan berkesan yang boleh saya lakukan berhubung dengannya, seolah-olah saya hadir secara peribadi termasuk mengambil pemilikan (fizikal atau konstruktif) Komoditi.*

**2. COMPLETION / *PENYUDAHAN***

Upon the completion of the above mentioned Murabahah Tawarruq transactions, the Bank's appointment as agent herein shall automatically be terminated / *Dengan penyudahan transaksi Murabahah Tawarruq di atas, pelantikan Bank selaku ejen di sini hendaklah tamat secara automatik.*

**3. LIMITED AGENCY / *WAKALAH TERHAD***

Save and except as expressly stated in this Appointment of Agent, the appointment of the Bank as my agent shall not create or be deemed to create a partnership or a joint venture between ourselves, nor shall it establish a relationship of principal or agent in any other relationship between us. / *Kecuali dan melainkan seperti dinyatakan di dalam Pelantikan Wakil ini, pelantikan Bank sebagai ejen saya tidak menubuhkan atau dianggap menubuhkan sesuatu perkongsian atau usaha sama di antara kita, mahupun menubuhkan sesuatu hubungan prinsipal atau ejen dalam mana-mana pertalian lain di antara kita.*

**4. INDEMNITY / *TANGGUNG RUGI***

I hereby undertake to indemnify the Bank from all claims, losses, costs, expenses or damage that the Bank may suffer or incur as a result of fulfilling the Bank's agency function as set out above save and except in the event of ta'addi (misconduct), taqsir (negligence) or mukhalafah al-shurut (breach of specified terms) on part of the Bank in executing and performing the agency herein contained and in such a case, the Bank shall be liable and shall compensate for loss or damage including any actual cost suffered by me / *Saya dengan ini memberi aku janji untuk menanggung rugi Bank daripada segala tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan ataupun kerosakan yang mungkin terpaksa ditanggung oleh Bank dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai ejen seperti yang telah dinyatakan di atas, melainkan dan kecuali jika disebabkan ta'addi (salah laku), taqsir (kecuaian) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang khusus) oleh Bank semasa menyempurnakan dan melaksanaan wakalah yang terkandung di sini dan dalam keadaan sebegitu, Bank hendaklah bertanggungjawab dan mengganti rugi atas kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos yang ditanggung oleh saya.*

**5. GAINS IN MURABAHAH SALE CONTRACT / *KEUNTUNGAN DI DALAM KONTRAK JUALAN MURABAHAH***

In the event that any act of the Bank as appointed herein results in gain exceeding the requirement imposed by me (such as selling at the higher price or buying at a lower price) or then that the Bank is authorised for, the Bank shall disclose this to me and the Bank must not retain any portion of the exceeding gains without the my consent. / *Sekiranya apa-apa tindakan Bank seperti yang dilantik di sini mengakibatkan keuntungan melampaui keperluan yang dikenakan oleh saya (seperti menjual pada harga yang lebih tinggi atau membeli pada harga yang lebih rendah) atau diberi kuasa kepada Bank, Bank haruslah mendedahkannya kepada saya dan Bank tidak boleh menyimpan apa-apa bahagian keuntungan melampau tersebut tanpa persetujuan saya.*

**6. TERMINATION / *PENAMATAN***

If any of the following shall have occurred / *jika sebarang daripada yang berikut berlaku:*

(a) either Party fails to perform any of its obligations under this Appointment of Agent and where such failure is capable of being remedied, is not being remedied within a period specified in this Appointment of Agent for such failure/breach to be remedied or where such period is not expressly stipulated, within fourteen (14) Business Days, from the date either Party becomes aware of the failure/breach or having been notified of the failure/breach / *mana-mana pihak gagal melaksanakan apa-apa obligasi di bawah Pelantikan Wakil ini dan di mana kegagalan tersebut boleh diremedikan, tidak diremedikan dalam tempoh yang dinyatakan di dalam Pelantikan Wakil ini agar kegagalan/pelanggaran tersebut diremedikan atau di mana tempoh tersebut tidak dinyatakan dengan jelas, dalam masa empat belas (14) Hari Perniagaan, daripada tarikh mana-mana pihak sedar akan kegagalan/pelanggaran tersebut atau telah dimaklumkan akan kegagalan/pelanggaran tersebut;* or/*atau*

(b) any representation, warranty or statement which is made by either Party is incorrect or misleading in a material respect on or as of the date such representation, warranty or statement is made or given or deemed made or given, or if repeated at any time with reference to the facts and circumstances subsisting at such time would have been incorrect / *apa-apa representasi, jaminan atau kenyataan yang dibuat oleh mana-mana pihak adalah tidak benar atau mengelirukan secara material atau pada tarikh representasi, jaminan atau kenyataan tersebut dibuat atau dianggap untuk dibuat atau diberikan, atau jika diulangi pada bila-bila masa setelah dirujuk kepada fakta atau keadaan yang diberikan pada masa tersebut adalah tidak tepat;* or/*atau*

(c) it is or will become unlawful by the laws of Malaysia for either Party to perform or comply with any of its obligations under this Appointment of Agent / *ia adalah atau ia akan menjadi satu kesalahan menurut undang-undang Malaysia untuk mana-mana pihak untuk melaksanakan atau mematuhi apa-apa tanggungjawabnya di bawah Pelantikan Wakil ini;* or/*atau*

(d) an encumbrancer bailiff, trustee or administrator or receiver or similar officer takes possession of or is appointed in respect of, all or any part of the assets of either Party or distress or any form of execution is levied or enforced upon or sued out against any such assets, or any security interest which may for the time being affect any of its assets becomes enforceable / *satu pengganti, bailif, pemegang amanah atau pentadbir atau penerima atau pegawai yang serupa dengannya mengambil milik atau dilantik ke atas, semua atau mana-mana bahagian aset mana-mana pihak atau tindakan distres atau apa-apa perintah pelaksanaan lain dikenakan atau dikuatkuasakan terhadap mana-mana aset tersebut, atau mana-mana kepentingan sekuriti yang pada masa berkenaan mungkin memberi kesan terhadap mana-mana aset tersebut dikuatkuasakan;* or/*atau*

(e) either Party is or becomes, insolvent or threatens to suspend or suspends payment of any of its debts (whether of principal, interest or profit) as they fall due or is deemed to be unable to pay its debts / *mana-mana pihak adalah atau menjadi tidak mampu membayar atau mengancam untuk membeku pembayaran apa-apa hutangnya (sama ada principal, faedah atau keuntungan) apabila tempohnya tiba atau dianggap tidak mampu membayar hutangnya;* or/*atau*

(f) either Party who is a natural person dies or becomes incapacitated or of unsound mind or shall have been served with a custodian sentence or be guilty of any offence against any law / *mana-mana pihak yang merupakan individu meninggal dunia atau hilang upaya atau menjadi tidak siuman atau telah dikenakan hukuman penjara atau disabit kesalahan di bawah apa-apa undang-undang;* or/*atau*

(g) any step is taken for the winding-up, dissolution, liquidation or a petition for winding-up or bankruptcy is presented against either Party and/or any one commits an act of bankruptcy or enter into any arrangement or composition with its creditors. / *apa-apa tindakan penggulungan, pembubaran, likuidasi atau petisyen untuk penggulungan atau kebankrapan diambil terhadap mana-mana pihak dan/atau mana-mana pihak melakukan tindakan kebankrapan atau memasuki apa-apa perkiraan atau komposisi dengan pemiutangnya;*

then and in any of the above events ("Termination Event"), the innocent Party may by notice in writing to the breaching Party, terminate this Appointment of Agent whereupon, any asset or rights of mine entrusted with the Bank shall be returned to me, and the Bank shall be entitled to the agreed agency fee. PROVIDED THAT the termination shall not affect or prejudice the rights of any Party which have accrued prior to the date of termination of this Appointment of Agent. / *maka dan di dalam mana-mana kejadian di atas ("Kejadian Penamatan"), pihak yang tidak bersalah boleh dengan memberikan notis bertulis kepada pihak yang melanggar, menamatkan Pelantikan Wakil ini di mana, apa-apa aset atau hak saya yang diberikan kepada Bank akan dipulangkan kepada saya, dan Bank berhak ke atas yuran wakil yang dipersetujui DENGAN SYARAT penamatan tersebut tidak memberi kesan atau prejudis terhadap hak mana-mana pihak yang telah terpakai sebelum tarikh penamatan Pelantikan Wakil ini.*

**7. AGENCY FEE / YURAN WAKIL**

Unless waived by the Bank, where requested by the Bank at any time, I shall pay agency fee of Ringgit Malaysia Ten (RM10.00) to the Bank in consideration of the appointment and performance of the Bank as my agent. / *Kecuali jika diketepikan oleh Bank, apabila diminta oleh Bank pada bila-bila masa, saya akan membayar yuran wakil sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) kepada Bank sebagai imbalan kepada pelantikan dan pelaksanaan tugas Bank sebagai wakil saya.*

**8. PRINCIPAL BOUND**

I shall be bound by any contract or agreement that the Bank enters into on my behalf with any third party pursuant to this Appointment of Agency. / *Saya akan terikat dengan apa-apa kontrak atau perjanjian yang dimasuki oleh Bank bagi pihak saya dengan mana-mana pihak ketiga selaras dengan Pelantikan Wakil ini.*

**I hereby confirm, acknowledge and agree that I have read and understood the terms and conditions of this Appointment of Agency as stated aforesaid. /** ***Saya dengan ini mengesahkan, mengakui dan bersetuju bahawa saya telah membaca dan memahami dan dengan ini bersetuju untuk terikat dengan Pelantikan Wakil ini seperti yang disebutkan di atas.***

________________________________________

Signature of Applicant / *Tandatangan Pemohon*

Name / *Nama* : ________________________________________

Date / *Tarikh* : ________________________________________

IC No. / *No. ID* : ________________________________________

## 1. DOKUMENTASI

1.1 Pemohon (seperti yang dinamakan dalam Borang Permohonan) bersetuju dengan AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat 295576-U) (selepas ini dirujuk sebagai "**Bank**") bahawa Perjanjian Am ini harus mengikat Pemohon yang permohonannya untuk Kemudahan-i AmMoneyLine (selepas ini dirujuk sebagai "**Kemudahan**") telah diluluskan oleh Bank (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan**").

## 2. INTEPRETASI

2.1 Perjanjian Am ini dan semua dokumen lain yang berkaitan dengan Kemudahan, membentuk perjanjian yang mengawal Kemudahan ini.

## 3. KEMUDAHAN, KONSEP SHARIAH DAN MEKANISME

3.1 Kemudahan ini adalah kemudahan pembiayaan bertempoh tidak bercagar berdasarkan Konsep Syariah Murabahah Tawarruq dan Wakalah.

Murabahah Tawarruq melibatkan dua kontrak jualan dan pembelian di mana yang pertama melibatkan penjualan aset kepada pembeli dengan terma bayaran tertangguh berdasarkan kos ditambah keuntungan, di mana perbezaan antara harga belian dan harga jualan dinyatakan kepada pembeli dan penjualan berikutnya melibatkan penjualan komoditi kepada pihak ketiga secara tunai untuk mendapatkan tunai.

Wa'd ialah akujanji sebelah pihak yang merujuk kepada suatu ekspresi komitmen yang diberi oleh satu pihak kepada pihak lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.

Wakalah merujuk kepada kontrak di mana satu pihak selaku prinsipal (muwakkil) melantik pihak lain sebagai ejen / wakil untuk melaksanakan tugas tertentu. Dalam Kemudahan ini, Pelanggan melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq.

3.2 Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli

(a) Pelanggan akan membuat suatu permintaan memberi suatu akujanji ("**Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli**") untuk membeli suatu komoditi yang dikenal pasti ("**Komoditi**") daripada Bank pada harga jualan ("**Harga Jualan Bank**"). Harga Jualan Bank mengandungi kos untuk memperolehi Komoditi (bersamaan dengan "**Amaun Kemudahan**") ditambah dengan keuntungan Bank di mana keuntungan tersebut dikira berdasarkan formula berikut:

Keuntungan: Kos Komoditi (bersamaan dengan Amaun Kemudahan yang diluluskan) x Kadar Keuntungan x Tempoh

Jumlah tepat keuntungan yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah seperti yang disertakan di dalam Jadual Keuntungan

(b) berhubungan dengan Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli tersebut, Bank (atas kapasitinya sendiri) akan kemudiannya membeli Komoditi daripada pembekal komoditi.

(c) Bank akan memaklumkan kelulusan Bank terhadap Permintaan untuk Membeli melalui panggilan telefon atau sistem-pesanan-ringkas ("**SMS**") kepada Pelanggan mengenai amaun yang diluluskan, Harga Jualan Bank dan tempoh Kemudahan sebelum melaksanakan Perjanjian Komoditi Murabahah.

3.3 Pelantikan Bank selaku Ejen

(a) Pelanggan melantik Bank sebagai ejennya untuk menjual Komoditi dan untuk memasuki dan melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah bagi dan untuk pihaknya.

(b) Pelantikan Bank selaku ejen Pelanggan hendaklah mengikut dan secara intipatinya dalam bentuk Pelantikan Wakil.

(c) Kemudian dan menurut Pelantikan Wakil, jika diminta oleh Pelanggan, Bank bagi pihak Pelanggan menjual Komoditi kepada mana-mana pihak ketiga secara tunai, dan hasilnya akan dibayar kepada atau untuk manfaat Pelanggan mengikut terma Perjanjian Am ini.

(d) Pelanggan terikat dengan segala tindakan dan transaksi yang dimasuki oleh Bank daripada masa ke masa selaku ejennya di bawah dan menurut terma Pelantikan Wakil.

(e) Pelanggan mengakujanji untuk menanggung rugi Bank daripada setiap dan semua tuntutan, kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang mungkin ditanggung oleh Bank natijah daripada melaksanakan peranan Bank selaku ejen seperti yang dinyatakan di atas dan di dalam Pelantikan Wakil melainkan dan kecuali setakat mana sebarang ta'addi (salah laku), taqsir (kecuaian) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang khusus) oleh pihak Bank.

(f) Walau apapun di dalam Pelantikan Wakil, Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya dan pada bila-bila masa, menahan diri, menangguhkan, melewatkan dan/atau enggan bertindak selaku ejen Pelanggan atas apa jua sebab sekalipun; dan Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang natijah sekalipun yang timbul disebabkan ketidakgiatan olehnya di atas.

3.4 Perjanjian Komoditi Murabahah

(a) Setelah Bank membeli Komoditi daripada pembekal komoditi, Bank dan Pelanggan (melalui Bank sebagai ejennya) akan memasuki suatu Perjanjian Jualan Murabahah di mana Bank menjual kepada Pelanggan Komoditi tersebut pada Harga Jualan Bank. Pelanggan hendaklah membayar kepada Bank Harga Jualan Bank berdasarkan terma bayaran tertangguh.

(b) Kontrak Jualan Murabahah hendaklah dianggap telah lengkap semasa penyempurnaannya oleh kedua-dua pihak Bank dan Pelanggan; di mana hakmilik benefisial ke atas Komoditi (termasuk sebarang waranti, sama ada tersurat atau tersirat di situ) bersekali dengan hak untuk mengambil serahan Komoditi tersebut dan segala risiko serta liabiliti yang terkait dengan Komoditi hendaklah beralih daripada Bank kepada Pelanggan.

(c) Pelanggan membeli Komoditi daripada Bank atas dasar "seadanya" tertakluk kepada bahawa spesifikasi dan kualitinya adalah seperti yang dinyatakan di dalam sijil identifikasi dan pemilikan ("**Sub Sijil**") dan Pelanggan tidak mempunyai sebarang remedi terhadap Bank berhubung dengan kualiti, keadaan, atau sebaliknya berkenaan dengan Komoditi. Pelanggan secara mutlak dan muktamad melepaskan sebarang hak waranti dan apa-apa tuntutan liabiliti kerosakan ke atas Komoditi terhadap pihak Bank.

(d) Sekiranya Pelanggan ingin mengambil serahan Komoditi tersebut, Pelanggan akan menanggung sendiri kesemua kos dan perbelanjaan (termasuk Takaful) bagi penyerahan Komoditi tersebut.

(e) Bank akan menyimpan Sub Sijil Komoditi di bawah sebagai amanah untuk manfaat Pelanggan sebelum penjualan selanjutnya Komoditi tersebut kepada pembeli pihak ketiga termasuk Bursa Suq Al-Sila oleh Bank yang bertindak selaku ejen Pelanggan mengikut Pelantikan Wakil.

(f) Sekiranya diminta secara bertulis, Pelanggan berhak memeriksa dan/atau mendapatkan salinan fotokopi Sub Sijil Komoditi tersebut.

(g) Jika Pelanggan berniat untuk menjual Komoditi tersebut di dalam pasaran kepada pihak ketiga untuk tunai dan secara langsung (on spot basis), Pelanggan boleh melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan transaksi tersebut bagi pihak Pelanggan menurut Perlantikan Wakil.

(h) Perjanjian Komoditi Murabahah boleh ditamatkan oleh Bank atau Pelanggan disebabkan oleh pelanggaran terma khusus atau menurut kepada dan atas terma-terma yang dipersetujui di antara Bank dan Pelanggan di mana, Komoditi akan dipulangkan kepada Bank dan Harga Jualan Bank (ditolak rebat) akan dipulangkan kepada Pelanggan. Sekiranya Komoditi telah dijual kepada Pembeli Komoditi, amaun yang bersamaan dengan nilai Komoditi akan dipulangkan kepada Bank.

3.5 Permintaan untuk Membeli dan Akujanji untuk Membeli, Kontrak Jualan Murabahah dan Pelantikan Wakil hendaklah disempurnakan dalam bentuk yang ditentukan oleh Bank.

3.6 Yuran Dagangan

Yuran Dagangan berkaitan dengan pembelian dan penjualan Komoditi untuk Kemudahan ini yang ditanggung oleh Bank, sekiranya ada, hendaklah hanya bagi tujuan akaun Pelanggan (dikongsi bersama di antara Bank dengan Pelanggan).

3.7 Bank akan menyerahkan Surat Pembayaran kepada Pelanggan bagi memaklumkan pengesahan komoditi urus niaga pembelian dan penjualan bersama dengan makluman bahawa Amaun Kemudahan telah dibayar kepada Pelanggan.

3.8 Jumlah minimum Amaun Kemudahan adalah RM2,000.00 tetapi boleh diubah oleh Bank dari masa ke semasa.

3.9 Tempoh Kemudahan merupakan tempoh yang ditentukan oleh Bank dan dipersetujui oleh Pelanggan.

## 4. TARIKH BERKUATKUASA

4.1 Perjanjian Am ini akan berkuatkuasa daripada tarikh kelulusan Kemudahan ini.

## 5. PRA-SYARAT TERDAHULU BAGI PENGELUARAN KEMUDAHAN

5.1 Semua perbualan telefon yang dibuat di antara kakitangan Bank dan Pelanggan akan dirakamkan oleh Bank bagi tujuan pengesahan. Semua perjanjian yang dibuat di antara Pelanggan melalui telefon akan dianggap sah dan mengikat Pelanggan dan tidak harus dipertikaikan.

5.2 Pelanggan hendaklah melaksanakan semua persetujuan dan dokumen yang diperlukan untuk memastikan transaksi Murabahah Tawarruq dilakukan seperti yang dipersetujui dengan Bank termasuk melantik Bank sebagai ejen Pelanggan untuk melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq untuk tujuan pembiayaan ini. Butir-butir transaksi Murabahah Tawarruq adalah seperti yang dipersetujui dalam Pelantikan Wakil.

5.3 Pelanggan akan dianggap telah membaca Perjanjian Am ini sebaik sahaja Bank menerima Borang Permohonan yang telah ditandatangani daripada Pelanggan bersama dengan dokumen-dokumen yang berkenaan. Pelanggan mengesahkan bahawa semua dokumen dan maklumat diberikan oleh Pelanggan dengan niat baik dan adalah benar dan betul. Apabila Bank menerima dokumen-dokumen tersebut, tandatangan Pelanggan di dalam Borang Permohonan harus mengikat Pelanggan di sisi undang-undang dan tidak harus dipertikaikan.

5.4 Kemudahan ini boleh digunakan selepas Bank berpuas hati bahawa kesemua pra-syarat yang terkandung dalam Perjanjian Am ini telah dipenuhi.

## 6. TERMA PENGELUARAN

6.1 Bank akan membayar Amaun Kemudahan yang diluluskan olehnya (bersamaan dengan jumlah hasil jualan Komoditi kepada pihak ketiga) kepada Pelanggan selepas menolak semua yuran dan caj yang perlu dibayar kepada Bank.

6.2 Pelanggan akan dimaklumkan sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada kaedah pembayaran hasil jualan.

## 7. KADAR KEUNTUNGAN

7.1 Pelanggan bersetuju untuk membayar caj keuntungan yang dikenakan ke atas Amaun Kemudahan tersebut pada kadar yang ditentukan oleh Bank. Kadar keuntungan adalah sebahagian daripada pengiraan Harga Jualan Bank.

## 8. PEMBAYARAN OLEH PELANGGAN

8.1 Kemudahan ini harus dibayar mengikut bilangan ansuran bulanan yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan.

8.2 Ansuran pertama akan dibayar pada tarikh yang ditetapkan pada bulan kalendar selepas pengeluaran Amaun Kemudahan penuh dibuat:

- Untuk pengeluaran Kemudahan yang dibuat pada 1hb-4hb, tarikh matang adalah pada hari ke-20 bulan semasa.
- Untuk pengeluaran Kemudahan yang dibuat pada 5hb-19hb, tarikh matang adalah pada hari ke-5 bulan berikutnya.
- Untuk pengeluaran Kemudahan yang dibuat pada 20hb-31hb, tarikh matang adalah pada hari ke-20 bulan berikutnya.

Setiap ansuran selanjutnya hendaklah dibayar pada tarikh yang dipersetujui pada setiap bulan kalendar berturut-turut sehingga seluruh Harga Jualan Bank dan semua wang lain yang telah dijanjikan akan dibayar oleh Pelanggan di bawah Perjanjian Am ini, yang seterusnya dirujuk sebagai "hutang", telah dibayar sepenuhnya dan diselesaikan.

8.3 Semua bayaran hendaklah dibuat kepada Bank dengan sepenuhnya tanpa menolak selesai dan sebarang penolakan lain untuk cukai atau sebarang penahanan.

8.4 Jika undang-undang memerlukan potongan daripada sebarang bayaran, Pelanggan hendaklah menambahkan bayarannya untuk memastikan bahawa amaun bersih yang diterima oleh Bank adalah bersamaan dengan amaun yang patut diterima oleh Bank, seandainya potongan ini tidak dilakukan.

8.5 Apa-apa bayaran yang diterima dari Pelanggan akan diaplikasikan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Bank.

8.6 Ansuran Bulanan Kemudahan dan tempoh ansuran Kemudahan tidak boleh diubah oleh Pelanggan tanpa kebenaran pihak Bank.

8.7 *Pelanggan berakujanji untuk membuat pengaturan yang memuaskan bagi pembayaran Kemudahan ini menurut Perjanjian Am ini walaupun dia berada di luar Malaysia untuk sebarang tempoh masa.*

8.8 *Sekiranya Bank membuat tuntutan terhadap bayaran Kemudahan ini, Pelanggan haruslah bertanggungjawab untuk membayar caj lewat bayar ke atas Amaun Kemudahan yang tertunggak atau ansuran bulanan yang tidak dibayar selepas tarikh tuntutan dibuat sehingga penyelesaian. Caj lewat bayar akan terakru atas dasar harian (selepas penghakiman atau perintah mahkamah dan juga sebelumnya) dan caj lewat bayar tersebut yang tidak dibayar, akan didebitkan ke dalam akaun Pelanggan pada setiap hujung bulan kalendar.*

### 9. REBAT TAHUNAN KE ATAS KEUNTUNGAN

9.1 *Pelanggan yang telah menjelaskan pembayaran ansuran bulanan sebelum atau tepat pada tarikh yang ditetapkan untuk dua belas (12) bulan berturut-turut akan diberikan rebat sebanyak 5% ke atas jumlah keuntungan yang dibayar untuk tahun tersebut. Rebat ini akan diberi pada bulan ke-13 dan akan dinyatakan dalam penyata bulan ke-13. Bank berhak untuk mengubah atau membatalkan rebat pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa dengan memberikan notis terdahulu kepada Pelanggan.*

9.2 *Pada tahun terakhir tempoh Kemudahan, dengan pembayaran dibuat sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan untuk sebelas (11) bulan berturut-turut, rebat tahunan akan diberikan pada bulan ke-12 yang merupakan ansuran terakhir.*

### 10. PRABAYARAN/PENYELESAIAN AWAL DAN IBRA' (REBAT)

10.1 *Sekiranya Pelanggan ingin menyelesaikan sepenuhnya Kemudahan sebelum tempoh Ansuran Kemudahan tersebut tamat, Pelanggan hendaklah memberi Bank satu (1) bulan notis bertulis terdahulu.*

10.2 *Bank akan memberi ibra' (rebat), sekiranya ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Bank yang masih belum dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan situasi berikut:*

(a) *Bagi pembiayaan kadar boleh ubah, sekiranya jumlah keuntungan dikira berdasarkan kadar keuntungan efektif adalah lebih rendah daripada jumlah keuntungan yang dikira berdasarkan kadar keuntungan siling/dipersetujui.*

(b) *Berdasarkan kepada penyelesaian penuh Kemudahan oleh Pelanggan dalam situasi berikut:*

(i) *Penebusan atau prabayaran Kemudahan;*

(ii) *Disebabkan penstrukturan semula Kemudahan;*

(iii) *Di dalam kes ingkar oleh Pelanggan;*

(iv) *Di dalam situasi penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh luput.*

*Ibra' (rebat) akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia:*

***Ibra' (Rebat) = keuntungan tertunda - caj penyelesaian awal***

### 11. CAJ LEWAT BAYAR

11.1 *Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa Bank berhak untuk mengenakan dan menuntut daripada Pelanggan caj lewat bayar bagi kegagalan Pelanggan untuk membuat:*

(i) *bayaran ansuran tertunggak dan/atau jumlah yang dipersetujui untuk dibayar oleh Pelanggan kepada Bank pada setiap satu tarikh matangnya; dan/ atau*

(ii) *pembayaran selepas tarikh luput atau pembatalan Kemudahan.*

*Caj lewat bayar akan dikira mengikut kadar yang dinyatakan di bawah:*

*a) Sebelum tarikh matang*

| | |
|---|---|
| *Kadar Caj Lewat Bayar* | *1% setahun dikira atas dasar baki harian.* |
| *Ke atas amaun:* | *(a) ansuran tertunggak, akan dikira selepas tarikh akhir sehingga penyelesaian penuh ansuran tertunggak dan/ atau;*<br>*(b) baki tertunggak, yang dikira daripada tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.* |

*b) Selepas tarikh matang*

| | |
|---|---|
| *Kadar Caj Lewat Bayar* | *Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian.* |
| *Ke atas amaun:* | *Baki tertunggak yang dikira daripada tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.* |

*c) Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap Pelanggan*

| | |
|---|---|
| *Kadar Caj Lewat Bayar* | *pada Kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian daripada tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.* |
| *Ke atas amaun:* | *Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira daripada tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.* |

*Nota:*

i *Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.*

ii. *Jumlah caj lewat bayar tidak boleh lebih daripada amaun prinsipal tertunggak.*

iii. *Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.*

iv. *Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperolehi.*

v. *Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.*

### 12. HAK UNTUK MENAMATKAN KEMUDAHAN

12.1 *Bank mempunyai hak untuk menamatkan atau menarik balik Kemudahan ini pada bila-bila masa (termasuk sebelum penggunaan Kemudahan) jika berlakunya pelanggaran Perjanjian Am ini. Selepas penamatan atau penarikan balik Kemudahan tersebut, kesemua amaun yang terhutang oleh Pelanggan di bawah Kemudahan ini hendaklah menjadi genap tempoh dan perlu dibayar.*

12.2 *Bank juga mempunyai hak untuk menggantung atau tidak meneruskan Kemudahan ini jika Bank menyedari dan mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa:*

i. *sebarang dokumen dan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan adalah palsu, tidak benar atau mengelirukan; atau*

ii. *terdapatnya sebarang salah nyataan dalam permohonan Kemudahan oleh Pelanggan.*

### 13. REPRESENTASI DAN JAMINAN

13.1 *Pelanggan memberi representasi dan jaminan bahawa:*

i. *Pelanggan mempunyai kapasiti sah dan kuasa penuh untuk memasuki dan menjalankan obligasi-obligasinya di bawah Kemudahan yang dinyatakan di dalam Perjanjian Am ini.*

ii. *tiada kejadian telah berlaku yang menyebabkan (atau dengan memberi notis atau luputnya masa atau kedua-duanya yang menyebabkan) berlakunya satu atau lebih Kejadian Keingkaran yang dinyatakan di bawah;*

iii. *Pelanggan tidak memungkiri sebarang perjanjian lain yang mungkin mempunyai kesan besar dan menjejaskan keadaan kedudukan kewangannya.*

### 14. PENDEDAHAN

14.1 *Pelanggan dengan ini membenarkan Bank dan/atau pegawainya untuk:-*

i. *menggunakan atau mendedahkan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan dan Kemudahan ini kepada mana-mana pengutip hutang/agensi pengutip hutang, agensi pengawalselia, pemegang saham, konsultan atau penasihat Bank, yang Bank atas budi bicara mutlaknya merasakan perlu berhubung dengan apa-apa tindakan yang diambil bagi tujuan menguatkuasakan sebarang hak Bank di bawah Kemudahan dan Perjanjian Am ini;*

ii. *mendedahkan apa-apa maklumat berhubung dengan maklumat peribadi, kedudukan kredit Pelanggan (termasuk nombor (nombor-nombor) akaunnya) dan perihal Kemudahan ini kepada mana-mana agensi pelaporan kredit; bank dan/atau institusi (institusi-institusi) kewangan lain; dan/ atau pemegang saham Bank, konsultan atau penasihat atau sesiapa juga orang atau pihak (pihak-pihak) berkepentingan yang dianggap perlu oleh Bank menurut budi bicara mutlaknya;*

iii. *mendedahkan maklumat kepada Bank Negara Malaysia tentang Kemudahan Pelanggan atau Akaun Pelanggan seperti yang diperlukan.*

### 15. KEJADIAN KEINGKARAN

15.1 *Bank berhak untuk menamatkan dan/atau menarik balik Kemudahan ini dan menuntut pembayaran semua Keberhutangan jika:-*

i. *Pelanggan gagal membayar apa-apa amaun yang terhutang di bawah Kemudahan atau apa-apa pembiayaan atau Kemudahan lain yang Pelanggan ada dengan Bank pada setiap satu tarikh matangnya yang berkenaan;*

ii. *terdapatnya keingkaran apa-apa obligasi di bawah Kemudahan atau Perjanjian Am ini atau mana-mana Kemudahan lain yang sedia ada dengan Bank atau Kumpulan AmBank;*

iii. *Pelanggan mengakui secara bertulis atau selainnya akan ketidakmampuannya untuk membayar keberhutangan apabila keberhutangan tersebut matang atau Bank berpendapat bahawa Pelanggan tidak dapat membayar keberhutangannya apabila keberhutangan tersebut menjadi matang;*

iv. *sebarang prosiding kebankrapan atau insolvensi telah dimulakan terhadap Pelanggan;*

v. *sebarang distres atau perintah pelaksanaan lain dilaksanakan ke atas atau terhadap mana-mana bahagian harta benda milik Pelanggan dan tidak dilepaskan dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh perintah tersebut dikeluarkan;*

vi. *sebarang hutang Pelanggan kepada pihak ketiga tidak dijelaskan pada tarikh matang atau menjadi perlu dibayar sebelum kematangannya seperti yang dinyatakan atau apa-apa jaminan yang diberikan oleh Pelanggan tidak ditunaikan apabila sampai tarikh matang dan dituntut;*

vii. *apa-apa representasi atau jaminan yang dibuat oleh Pelanggan kepada Bank adalah tidak benar apabila dibuat (atau dianggap dibuat) atau, jika diulangi pada bila-bila masa setelah dirujuk kepada fakta yang diberikan pada masa tersebut, tidak lagi menjadi benar dan tepat dalam segala aspek;.*

viii. *penyediaan Kemudahan ini merupakan transaksi pihak yang berkaitan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 57, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam, 2013;*

ix. *Pelanggan meninggal dunia atau menjadi tidak siuman atau hilang upaya mental.*

15.2 *Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada Bank secara bertulis apabila berlaku mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas kecuali sub-klausa (ix) di atas, di mana waris atau keluarga terdekat atau wakil diri Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank secara bertulis sekiranya berlaku kejadian tersebut.*

15.3 *Pelanggan harus mengganti rugi Bank terhadap apa-apa tuntutan, kerugian, kerosakan atau liabiliti yang dialami oleh Bank akibat daripada apa-apa Kejadian Keingkaran.*

### 16. PERUBAHAN KEPADA KEADAAN

*Sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam undang-undang, peraturan atau keperluan pihak berkuasa (atau pentafsirannya atau pelaksanaannya) atau bagi tujuan pematuhan oleh Bank kepada sebarang arahan, permintaan atau keperluan yang terpakai (sama ada terdapatnya kesan perundangan atau tidak) yang mengenakan ke atas Bank sebarang syarat, beban atau obligasi tambahan, Bank boleh menamatkan Kemudahan setelah memberikan notis secukupnya kepada Pelanggan di mana kesemua amaun terhutang di bawah hendaklah serta-merta menjadi genap tempoh dan perlu dibayar.*

### 17. KOS DAN PERBELANJAAN

17.1 *Semua kos, caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan atau timbul daripada atau sampingan kepada Kemudahan ini hendaklah dibayar oleh Pelanggan dan perlu dibayar dengan serta-merta apabila dituntut oleh Bank.*

17.2 *Semua duti setem dan yuran guaman yang perlu dibayar (dinilai berdasarkan dasar 'peguam dan anak guam') atau yang ditanggung oleh Bank:*

i. *berhubung dengan atau sebagai sampingan kepada peruntukan Kemudahan; dan/atau*

ii. *berhubung dengan penguatkuasaan hak-haknya di bawah Kemudahan, harus dibayar oleh Pelanggan apabila dituntut oleh Bank.*

17.3 *Di mana berkenaan, kesemua perkhidmatan, yuran atau caj yang dikenakan oleh Bank akan dikenakan cukai. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada kadar cukai atau pengenaan cukai kepada mana-*

*mana yuran dan caj disebabkan oleh perubahan undang-undang cukai, Bank berhak untuk menukar amaun yang harus dibayar oleh Pelanggan.*

***18. PENYUSUNAN SEMULA***

*18.1 Perjanjian Am ini adalah sah dan mengikat kesemua pihak walaupun salah satu pihak telah bertukar melalui penggabungan, penyusunan semula atau selainnya dan tiada sebarang perubahan pada mana-mana pihak akan menjejaskan liabiliti dan obligasi-obligasi yang wujud, sama ada pada masa lepas, masa kini atau masa hadapan.*

***19. AKAUN GANTUNG***

*19.1 Apa-apa wang yang diterima daripada Pelanggan boleh dikreditkan ke dalam akaun gantung patuh Shariah tanpa-pulangan oleh Bank selagi Bank fikirkan patut. Bank tidak bertanggungjawab untuk menggunakan wang yang diterima atau sebahagian daripadanya untuk pembayaran hutang Pelanggan yang terhutang kepada Bank.*

*19.2 Walaupun pembayaran wang dikreditkan ke dalam akaun gantung, sekiranya Pelanggan telah bankrap, Bank masih boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima sebarang dividen atau komposisi yang berkenaan dengan bahagian penuh hutang yang terhutang oleh Pelanggan kepada Bank seolah-olah wang tersebut tidak dikreditkan.*

***20. PENYATUAN DAN PENGGABUNGAN AKAUN***

*20.1 Bank berhak pada bila-bila masa dan dengan notis kepada Pelanggan untuk menggabungkan atau menyatukan mana-mana atau semua akaun Pelanggan (termasuk akaun-akaun bersama dengan pihak lain) di mana pun terletak untuk sebarang liabiliti dan obligasi yang terhutang atau ditanggung oleh Pelanggan kepada Bank.*

***21. PENGIRAAN YANG MUKTAMAD***

*21.1 Pengiraan Bank terhadap keberhutangan adalah muktamad kecuali dibuktikan sebaliknya atau terdapatnya kesilapan yang nyata dan ketara.*

***22. HAK UNTUK TOLAK SELESAI***

*22.1 Pelanggan bersetuju jika Pelanggan gagal dalam pembayaran keberhutangan kepada Bank dan/atau Kumpulan AmBank di bawah mana-mana Kemudahan yang diberikan oleh Bank dan/atau Kumpulan AmBank kepada Pelanggan, Bank berhak untuk membekukan semua atau sebahagian baki yang ada dalam mana-mana akaun Pelanggan (termasuk akaun-akaun bersama dengan pihak ketiga) dengan Bank di mana-mana cawangan atau pejabat ("Baki Yang Ada") yang bersamaan dengan jumlah keseluruhan bayaran ingkar keberhutangan dengan memberi tujuh (7) hari notis kepada Pelanggan untuk menjelaskan bayaran ingkar keberhutangan.*

*22.2 Jika Pelanggan gagal menjelaskan bayaran ingkar keberhutangan dalam tempoh tujuh (7) hari tersebut, Bank berhak untuk menolak selesai sepenuhnya mana-mana bahagian Baki Yang Ada dengan jumlah penuh bayaran ingkar keberhutangan.*

***23. HAK UNTUK MEMBEKU AKAUN***

*23.1 Pelanggan bersetuju dengan Bank bahawa Bank berhak untuk membekukan apa-apa pengeluaran dan/atau deposit ke dalam/daripada mana-mana akaunnya, tanpa memberi notis terdahulu kepada Pelanggan, apabila:*

*i. Bank berpendapat bahawa terma mandat bagi suatu akaun disalahgunakan;*

*ii. Bank pada pendapat mutlak dan munasabahnya berpendapat bahawa maklumat/dokumen yang diberikan kepada Bank untuk pembukaan akaun, kemudiannya didapati adalah palsu/tidak betul/diubah/salah nyataan bagi pengenalan diri;*

*iii. cek/suratcara kewangan/jumlah yang dikreditkan ke dalam akaun adalah hasil daripada pemalsuan/suratcara dan arahan yang diubah/transaksi palsu, dengan/tanpa penglibatan Pelanggan;*

*iv. aduan dibuat oleh pihak ketiga kepada polis/Bank bahawa akaun telah digunakan untuk membuat transaksi/simpanan palsu/penipuan/mencari pelanggan untuk pengambilan simpanan haram, tertakluk selanjutnya kepada budi bicara Bank untuk membekukan akaun di atas pendapat dan budi bicara mutlaknya berdasarkan kepada penyiasatan dalaman atau maklumat yang diberikan oleh polis/pihak berkuasa;*

*v. berlaku kematian, kebankrapan/perintah penggulungan terhadap Pelanggan, tertakluk kepada Bank telah dimaklumkan mengenainya oleh mana-mana pihak/atau mendapat maklumat mengenainya melalui cara lain;*

*vi. prosiding yang digarnis disampaikan kepada Bank berkenaan pemegang akaun sebagai penghutang penghakiman;*

*vii. Bank melaksanakan hak tolakan selesai di bawah Perjanjian Am ini;*

*viii. Bank dikehendaki membekukan akaun oleh Bank Negara Malaysia/pihak berkuasa di bawah mana-mana undang-undang yang diguna pakai.*

*23.2 Selepas pembekuan akaun, Bank boleh pada budi bicara mutlaknya dan sebagaimana ia fikirkan sesuai, memindahkan amaun yang dibekukan/Baki Yang Ada kepada akaun tanpa pulangan sehingga penyelesaian isu berkenaan yang berhubung dengan akaun tersebut/seperti yang diarahkan oleh Mahkamah/pihak berkuasa berkenaan.*

***24. SEKSYEN 57, AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM, 2013***

*24.1 Pelanggan dengan ini mengisytiharkan bahawa penyediaan Kemudahan ini bukanlah transaksi pihak yang berkaitan sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Seksyen 57, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Pelanggan dengan ini mengaku janji untuk memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta jika sebarang hubungan di atas wujud atau diketahui bila-bila masa dan Bank mempunyai hak untuk menamatkan Kemudahan ini.*

***25. NOTIS***

*25.1 (a) Sebarang tuntutan atau notis kepada Pelanggan di bawah Perjanjian Am ini hendaklah secara bertulis dan boleh ditandatangani oleh Pengurus Besar, Pengurus, atau pegawai Bank yang diberi kuasa atau mana-mana peguamcara atau firma guaman yang bertindak untuk Bank.*

*(b) Tuntutan atau notis (termasuklah tetapi tidak terhad kepada writ saman dan tuntutan perundangan) boleh dihantar kepada Pelanggan melalui pos biasa atau dihantar secara penghantaran peribadi ke alamat Pelanggan yang dinyatakan di dalam permohonannya atau tempat perniagaan, pekerjaan atau kediaman Pelanggan yang biasa atau terakhir diketahui.*

*(c) Sebarang tuntutan atau notis tersebut jika dihantar melalui pos hendaklah dianggap telah diterima oleh Pelanggan lima (5) hari selepas diposkan dan penghantaran melalui penghantaran peribadi dianggap diterima apabila masa penghantaran, walaupun tuntutan atau notis tersebut dipulangkan semula kerana tidak dihantar atau tidak dituntut.*

*25.2 Sebarang notis yang perlu diberikan di bawah Perjanjian Am ini kepada Bank hendaklah secara bertulis dan mesti ditandatangani oleh Pelanggan. Notis tersebut boleh dihantar kepada Bank melalui pos berdaftar atau dihantar secara penghantaran peribadi kepada Bank di alamat yang dinyatakan di sini atau alamat lain yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan dan akan hanya dianggap telah dihantar kepada Bank pada tarikh penerimaan sebenar oleh Bank.*

*25.3 Sebarang surat tuntutan, notis, pernyataan, peringatan atau sijil (selepas ini pada umumnya dirujuk sebagai "**Dokumen Tersebut**") yang diberikan oleh Bank tidak memerlukan tandatangan mana-mana pegawai Bank di mana ia telah dinyatakan di dalam Dokumen Tersebut bahawa ia adalah dijana oleh komputer dan tidak memerlukan sebarang tandatangan.*

***26. LIABILITI***

*26.1 Pelanggan secara nyata melepaskan Bank daripada apa-apa liabiliti yang berkaitan dengan sebarang kesilapan atau peninggalan dalam pengeluaran Kemudahan dan juga sebarang kehilangan pendapatan atau keuntungan atau simpanan atau ganti rugi secara tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas meskipun Bank telah dinasihati berkenaan dengan kemungkinan ganti rugi tersebut terlebih dahulu dan liabiliti tersebut adalah di sini secara nyatanya dinafikan oleh Bank.*

*26.2 Bank akan diganti rugi oleh Pelanggan terhadap sebarang tuntutan, kehilangan, kerosakan, kos-kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Bank akibat daripada peremitan wang Takaful.*

*26.3 Bank boleh menolak permohonan Kemudahan tanpa memberikan sebarang alasan untuk penolakan tersebut dan Bank tidak harus dipertanggungjawabkan untuk kerugian yang timbul daripada penolakan tersebut.*

***27. TANGGUNG RUGI***

*27.1 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk dan menafikan semua liabiliti untuk apa-apa kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada penerimaan Kemudahan ini.*

***28. FORCE MAJEURE***

*28.1 Bank tidak perlu melaksanakan obligasinya sekiranya ia dihalang untuk berbuat demikian disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh apa-apa bencana alam, rusuhan, kekecohan awam, tindakan pengganas, kekacauan buruh, sekat masuk, kebakaran, banjir, kemalangan, kerosakan mesin atau komputer/sistem komputer atau apa-apa perkara lain di luar kawalan munasabah Bank.*

***29. AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001 DAN AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010***

*29.1 Pelanggan mengakui dan menjamin bahawa:*

*(a) melainkan jika dan sehingga Pelanggan memberitahu Bank sebaliknya secara bertulis:*

*(i) Pelanggan adalah prinsipal berhubung dengan Kemudahan;*

*(ii) tiada seorang pun selain daripada Pelanggan yang mempunyai atau akan mempunyai apa-apa kepentingan dalam Kemudahan ini;*

*(iii) kesemua wang yang akan dibayar kepada Bank, kesemua cagaran dan/atau jaminan yang memihak kepada Bank untuk mendapatkan Kemudahan (jika ada) akan datang daripada sumber kegiatan yang sah dan bukannya aktiviti yang menyalahi undang-undang, seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram, 2001 ("**AMLATFA**") atau bertentangan dengan Akta Perdagangan Strategik 2010 ("**STA**").*

*(b) apabila diberitahu bahawa Pelanggan adalah perantara bagi orang lain:*

*(i) Bank boleh meminta, dan Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk memberikan pengesahan identiti benefisiari dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Bank, termasuk namun tidak terhad kepada salinan yang diperakui sah bagi apa-apa kebenaran untuk bertindak atau dokumen yang boleh diminta bagi tujuan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pelanggan, yang mana salinannya boleh disimpan oleh pihak Bank;*

*(ii) Pelanggan selanjutnya mengisytiharkan dan mengesahkan bahawa pemeriksaan "know-your-customer" yang diperlukan telah dijalankan termasuk namun tidak terhad kepada identiti, kewujudan, alamat dan jenis perniagaan benefisiari, ia disahkan oleh Pelanggan bahawa wang, dana atau cagaran adalah daripada sumber aktiviti yang sah dan bukannya aktiviti haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA; dan*

*(iii) selanjutnya dengan ini dipersetujui dengan jelas dan difahami bahawa peruntukan butir-butir benefisiari Pelanggan tidak akan menjadikan benefisiari sebagai pelanggan Bank dan Bank berhak untuk menganggap Pelanggan sebagai prinsipal.*

*29.2 Sebagai tambahan kepada Klausa 29.1 (a) dan (b) di sini, Pelanggan dengan ini bersetuju dan mengakui tanpa syarat bahawa:*

*(a) Pelanggan akan mendedahkan dan memberikan kepada Bank apa-apa maklumat yang diperlukan atau dianggap perlu dan sehingga memuaskan pihak Bank dengan kadar segera menurut tempoh yang ditentukan oleh Bank, sama ada atau tidak untuk tujuan mematuhi undang-undang, perintah, peraturan, arahan dan garis panduan BNM dan atau yang diberikan, dibuat atau diwujudkan oleh pihak Bank;*

*(b) sementara Bank menunggu penerimaan maklumat daripada Pelanggan dan sehingga diterima dan disahkan di mana Bank dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan berpuas hati, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk meneruskan apa-apa transaksi atau pembayaran atau menerima apa-apa wang, dana atau cagaran ("**Aset**"). Berhubung dengan Aset yang sudahpun di bawah kawalan Bank, pihak Bank berhak (dan diberi kuasa) untuk menyimpan Aset tersebut buat sementara; Sebarang Aset yang diminta untuk dikembalikan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain akan hanya*

*dikembalikan kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain tersebut setelah Bank mendapat pelepasan yang sewajarnya daripada pihak berkuasa yang berkenaan;*

*(c) Pelanggan tidak akan menggunakan Kemudahan untuk pengubahan wang haram atau melanggar mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pengubahan wang haram seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA; dan*

*(d) Bank atau syarikat-syarikat dalam Kumpulan AmBank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian langsung atau tidak langsung, yang berbangkit atau apa jua kerugian sekalipun walau bagaimanapun yang terjadi atau disebabkan Bank melaksanakan tugasnya di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa, khususnya namun tidak terhad kepada tugas berkanunnya di bawah AMLATFA atau STA.*

*29.3 Sekiranya pembayaran Harga Jualan Bank yang tertunggak oleh Pelanggan pada bila-bila masa atau daripada semasa ke semasa atau selepas Bank melepaskan dan membebaskan Pelanggan daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini, didapati berpunca daripada suatu sumber haram berkaitan dengan aktiviti atau instrumen yang merupakan suatu kesalahan seperti yang ditakrifkan di bawah AMLATFA atau bertentangan dengan STA, Pelanggan bersetuju dan mengakui bahawa:-*

*(a) pelepasan dan pembebasan Pelanggan daripada obligasinya di bawah Perjanjian ini hendaklah secara automatik dianggap tidak sah daripada tarikh ia dibuktikan bahawa sumber pembayaran Harga Jualan Bank yang tertunggak tersebut adalah di dalam lingkungan AMLATFA atau bertentangan dengan STA dan Pelanggan hendaklah masih menanggung liabiliti kepada Bank di bawah terma Perjanjian ini walau apa jua pun sebarang dokumen yang dikeluarkan dan/atau disempurnakan oleh Bank untuk melepaskan dan membebaskan Pelanggan; dan*

*(b) Pelanggan hendaklah menanggungrugi Bank terhadap apa-apa kerugian, kerosakan, kos, yuran dan caj yang mungkin ditanggung oleh Bank akibat daripada Pelanggan melanggar peruntukan di bawah AMLATFA dan/atau bertentangan dengan STA.*

### ***30. UNDANG-UNDANG***

*30.1 Perjanjian Am ini akan dikawal dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan pihak-pihak di sini dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah di Malaysia atau Mahkamah-mahkamah lain yang ditentukan oleh Bank berdasarkan budi bicara tunggal dan mutlaknya.*

### ***31. WARIS TERIKAT***

*31.1 Perjanjian Am ini hendaklah mengikat waris, wakil diri dan pengganti (sekiranya perlu) pihak-pihak di sini.*

### ***32. PRIVASI***

*32.1 Pelanggan mengesahkan bahawa dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan AmBank (seperti yang terdapat di www.ambankgroup.com dan klausa di sini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi beliau.) Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi dianggap bergabung dengan merujuk kepada Borang Permohonan dan Perjanjian Am ini.*

*32.2 Sekiranya Pelanggan memberi maklumat peribadi dan/atau kewangan kepada pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan keluarga dan tanggungan mereka (untuk Pelanggan individu) untuk tujuan membuka atau menjalankan Kemudahan dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pelanggan dengan ini:*

*a. mengesahkan bahawa dia telah diberi kuasa atau sebaliknya berhak untuk memberi maklumat kepada Bank dan untuk menggunakan Bank selaras dengan Borang Permohonan dan Perjanjian Am ini dan untuk memberikan maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran (termasuk produk, perkhidmatan dan tawaran daripada AmBank Kumpulan) yang dipercayai dan bermanfaat kepada Pelanggan dan Kumpulan AmBank;*

*b. bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga adalah betul;*

*c. bersetuju untuk mengemaskini secara bertulis jika terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat peribadi dan kewangan; dan*

*d. bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan Kemudahan sekiranya kebenaran dikeluarkan oleh mana-mana pihak ketiga.*

*32.3 Apabila Pelanggan mengarahkan Bank untuk melakukan apa-apa jenis urus niaga merentas sempadan (termasuk membuat atau menerima pembayaran), butiran transaksi rentas sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan sesiapa yang terlibat dalam urus niaga) boleh didedahkan atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh ejen luar negeri Bank, pegawai pentadbiran asing dan/atau pihak berkuasa asing di dalam kapasiti undang-undang yang diberi kuasa oleh undang-undang negara mereka (contohnya pencegahan jenayah). Dalam mengarah dan memberi kuasa kepada Bank atau ejennya untuk memasuki transaksi merentas sempadan ini bagi pihak Pelanggan, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penzahiran seperti yang dinyatakan di atas dibuat oleh Pelanggan dan pihak lain yang terlibat dalam urus niaga merentas sempadan.*

*32.4 Di samping itu, sentiasa tertakluk kepada mana-mana undang-undang, (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang terpakai bagi Bank (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), Pelanggan bersetuju mana-mana syarikat lain dalam Kumpulan AmBank dan mana-mana rakan niaga strategik boleh menghubungi Pelanggan mengenai sebarang produk, perkhidmatan dan/atau tawaran, di mana Bank dan Kumpulan AmBank percaya ia penting dan memberi manfaat kepada Pelanggan.*

*32.5 Bank dan Kumpulan AmBank boleh berkomunikasi dengan Pelanggan menggunakan pelbagai saluran, termasuk telefon, e-mel, mesej elektronik / mudah alih, faksimili atau pos, kepada maklumat hubungan yang disediakan oleh Pelanggan.*

*32.6 Pelanggan boleh memaklumkan kepada Bank pada bila-bila masa sekiranya Pelanggan memilih untuk tidak menerima apa-apa bentuk komunikasi berhubung dengan pemasaran Bank, Kumpulan AmBank dan/atau rakan niaga strategik mereka, dengan menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan Bank melalui pelbagai cara berikut:*

*Khidmat Pelanggan*

*Telefon: (603) 2178 8888 [24 jam]*

*E-mel: customercare@ambankgroup.com*

*Pos: Sulit, AmBank Contact Centre, P.O. Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur*

*32.7 Arahan bertulis terkini daripada Pelanggan adalah terpakai. Pelanggan bersetuju bahawa sesetengah komunikasi seperti penyataan mengenai Kemudahan kepada Pelanggan dan laman web Kumpulan AmBank mungkin mengandungi maklumat umum mengenai produk dan perkhidmatan lain Bank dan Kumpulan AmBank yang tidak boleh dihapuskan tanpa menjejaskan bahagian penyampaian / operasi Kemudahan dan/atau tanpa sebarang kos tambahan kepada Pelanggan.*

*32.8 Bank boleh menggunakan agensi pelaporan kredit untuk membantu dalam proses membuat keputusan, seperti apabila Bank dikehendaki:*

*a. memeriksa butir-butir permohonan Kemudahan, pembiayaan dan berkaitan dengan pembiayaan atau kemudahan lain yang diberikan kepada pemohon;*

*b. menguruskan dan menyemak Kemudahan; dan/atau*

*c. mengutip hutang daripada pemohon.*

*32.9 Pelanggan akan dihubungkan dengan agensi pelaporan kredit kepada nama lain yang digunakan atau mungkin telah digunakan oleh Pelanggan, dan mana-mana pemohon sama ada secara bersesama atau berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang pemohon yang berjaya dan bagaimana Pelanggan menguruskan Kemudahan dengan agensi pelaporan kredit yang berkaitan.*

*32.10 Walaupun Pelanggan telah memberikan maklumat kepada Bank, Pelanggan mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan terlebih dahulu. Dalam keadaan demikian, Bank berhak untuk menolak atau menghentikan pemberian sebarang Kemudahan berkaitan dengan maklumat tersebut.*

*32.11 Bank berhak untuk meminda Klausa ini daripada masa ke semasa dengan memberi notis kepada Pelanggan.*

*32.12 Seksyen ini tidak menjejaskan Klausa 14 Borang Permohonan dan Perjanjian Am ini berkaitan dengan Pendedahan.*

### ***33. SYARAT-SYARAT LAIN***

*33.1 Penggunaan Kemudahan ini adalah tertakluk kepada Perjanjian Am ini. Apabila memohon Kemudahan ini, Pelanggan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membaca dengan teliti dan memahami Perjanjian Am ini.*

*33.2 Pelanggan mengesahkan bahawa dia tidak pernah bergantung kepada apa-apa perkara yang dinasihati, dibuat nyataan atau dijanjikan oleh kakitangan atau wakil Bank yang tidak dinyatakan secara nyata dalam Perjanjian Am ini. Meskipun terdapat apa-apa perkara yang dinasihati, dibuat nyataan atau dijanjikan, Pelanggan bersetuju bahawa perkara-perkara tersebut tidak akan mengikat Bank dan Pelanggan tidak boleh bergantung kepada perkara-perkara tersebut untuk menjadi sebarang hujah pembelaan atau menyokong sebarang tuntutan Pelanggan dalam apa-apa prosiding undang-undang.*

*33.3 Bank boleh menggunakan mana-mana hak, kuasa dan/atau remedi yang ada, sama ada yang dinyatakan di sini atau yang diberikan kepada Bank oleh undang-undang walaupun selepas penangguhan. Semua hak dan kuasa Bank di bawah undang-undang atau ekuiti boleh digunakan walaupun hak dan kuasa tersebut bertindih dengan hak dan kuasa yang diberikan di bawah Perjanjian Am ini. Sekiranya Bank tidak membuat apa-apa tindakan apabila Bank berhak untuk berbuat demikian, ini tidak bermaksud bahawa Bank:*

*i. telah bersetuju terhadap keingkaran Pelanggan; atau*

*ii. telah melepaskan hak-hak Bank; atau*

*iii. dilarang daripada mengambil apa-apa tindakan kemudian.*

*33.4 Di mana Bank secara nyatanya telah mengenepikan keingkaran Pelanggan, ini tidak akan menjejaskan penguatkuasaan hak, kuasa dan remedi Bank bagi sebarang keingkaran lain yang dilakukan oleh Pelanggan, sama ada yang berlaku sebelum atau selepas penepian tersebut.*

*33.5 Bank mempunyai hak pada bila-bila masa dengan pemberian dua puluh satu (21) hari notis terlebih dahulu kepada Pelanggan untuk menambah, mengubah, memotong, mengubah suai, menukar atau meminda semua atau mana-mana terma Perjanjian Am ini atau mengganti Kemudahan secara keseluruhan atau sebahagiannya dengan skim lain, sama ada serupa atau tidak, atau menarik baliknya sama sekali.*

*33.6 Pelanggan dikehendaki melawat laman web www.ambankgroup.com untuk mendapatkan versi Perjanjian Am terkini.*

## Fees And Charges / *Yuran Dan Caj*

**Personal Financing:**

- **Late Payment Charge**
  1% per annum on monthly instalment or any amount due but remaining unpaid during the financing tenure. Upon expiry of the financing tenure, it will be charged based on Islamic Interbank Money Market (IIMM) rate calculated on outstanding balance or any other rate or method prescribed by Bank Negara Malaysia.
- **Stamp Duty**
  As per Stamp Duty Act 1949 (Revised 1989). Stamping fee 0.5% of financing amount disbursed.

All information provided above is correct as of time of printing (December 2018).

***Pembiayaan Peribadi:***

- ***Caj Lewat Bayar***
  *1% setahun ke atas ansuran bulanan atau jumlah perlu dibayar atau baki yang belum dijelaskan sepanjang tempoh pembiayaan. Apabila tamat tempoh pembiayaan, caj adalah kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) dan di kira ke atas baki tertunggak atau kadar atau kaedah lain yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.*
- ***Duti Setem***
  *Seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989). Yuran setem 0.5% daripada jumlah pembiayaan dikeluarkan.*

*Segala maklumat yang tertera di atas adalah benar semasa percetakan (Disember 2018).*

## For Bank Use Only / *Untuk Kegunaan Bank Sahaja*

| |
|---|
| Remark / *Kenyataan*: |
| Recm: Approved/Declined/Cancelled / *Cdg: Diluluskan/Ditolakan/Dibatalkan* |
| Approved/Declined/Cancelled / *Diluluskan/Ditolakan/Dibatalkan* |
| Approved/Declined/Cancelled / *Diluluskan/Ditolakan/Dibatalkan* |

| Month on Book / *Bulan pada Buku* | Months/Amount / *Tempoh/Jumlah* |
|---|---|
| Current Financing Duration with AmBank Islamic (Months) / *Tempoh Pembiayaan Semasa dengan AmBank Islamic (Tempoh)* | |
| Current Deposit Duration with AmBank Islamic (Months) / *Tempoh Deposit Semasa dengan AmBank Islamic (Tempoh)* | |
| Current Deposit Amount with AmBank Islamic (RM) / *Deposit Semasa dengan AmBank Islamic (Tempoh)* | Current Account / *Akaun Semasa*: |
| | Savings Account / *Akaun Simpanan*: |
| | Term Deposit / *Deposit Bertempoh*: |

Profile Indicator / *Penujuk Profil*

- ☐ DMI / *DMI*
- ☐ NORMAL / *NORMAL*
- ☐ STAFF / *KAKITANGAN*
- ☐ FRAUD / *PENIPUAN*
- ☐ SERAP / *SERAP*
- ☐ VIP / *VIP*
- ☐ BJR / *BJR*

| Disbursement / *Pembayaran*: | Approved/Declined/Cancelled / *Diterima/Ditolakan/Dibatalkan*: | Approved/Declined/Cancelled / *Diterima/Ditolakan/Dibatalkan*: |
|---|---|---|

## Appendix 1 (Total Profit And Calculation Of Monthly Instalment) / *Lampiran 1 (Jumlah Keuntungan Dan Pengiraan Ansuran Bulanan)*

# A. Calculation of Total Profit / *Pengiraan untuk Jumlah Keuntungan*

- Total Profit: Financing Amount x Flat Profit Rate x Tenure / *Jumlah Keuntungan : Jumlah Pembiayaan x Kadar Keuntungan Rata x Tempoh*
  Eg. RM30,000 Financing Amount x 8.50% Flat Profit Rate x 5 Years = RM12,750 / *Contoh. RM30,000 Jumlah Pembiayaan x 8.50% Kadar Keuntungan Rata x 5 Tahun = RM12,750*

| Effective Profit Rate (%) / *Kadar Keuntungan Efektif (%)* | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Profit Rate / *Kadar Keuntungan* (%) | Tenure (Months) / *Tempoh (Bulan)* | | | | |
| | 12 | 24 | 36 | 48 | 60 |
| 8.00 | 14.45 | 14.68 | 14.55 | 14.35 | 14.13 |
| 8.50 | 15.34 | 15.55 | 15.40 | 15.17 | 14.92 |
| 9.99 | 17.95 | 18.14 | 17.90 | 17.58 | 17.26 |
| 11.99 | 21.44 | 21.55 | 21.18 | 20.74 | 20.30 |

***Note / Nota:*** *Profit Rates are fixed for the entire financing tenure. Final amount approved, financing tenure and Profit Rate are subject to credit evaluation. Please be advised that the rates above are for illustration purposes only and* ***the final Profit Rate may vary between 8.00% p.a. to 11.99% p.a.*** */ Kadar Keuntungan adalah tetap untuk tempoh kemudahan. Jumlah kemudahan terakhir, tempoh kemudahan, dan Kadar Keuntungan adalah tertakluk kepada pemeriksaan kredit Bank. Harap maklum bahawa kadar yang tertera di atas adalah sebagai contoh sahaja dan* ***Kadar Keuntungan terakhir adalah daripada 8.00% setahun sehingga 11.99% setahun.***

# B. Calculation of Monthly Instalment / *Pengiraan Ansuran Bulanan*

$$M = \frac{L + (L \times R \times T1)}{T2}$$

M - Monthly Instalment / *Bayaran Bulanan*
L - Financing Amount / *Jumlah Pembiayaan*
R - Profit Rate / *Kadar Keuntungan*
T1 - Tenure In Year / *Tempoh Tahunan*
T2 - Tenure In Months / *Tempoh Bulanan*

Using the same example as above, instalment to be paid per month is / *Dengan menggunakan contoh yang sama dalam perkara di atas, bayaran yang kena dibayar sebulan adalah*

$$\mathbf{M = \frac{RM30{,}000 + (RM30{,}000 \times 8.50\% \times 5)}{60} = RM712.50}$$